

PENAAKULAN MORAL DARI PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM

MORAL REASONING FROM WESTERN AND ISLAMIC PERSPECTIVES

Khadijah Maisarah Mohd Nadzri^{1*}

Farah Mohd Ferdaus²

Mohd Marzuki Ali³

¹ Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Malaysia
(E-mail: khadijah@uptm.edu.my)

² Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Malaysia
E-mail: farah@uptm.edu.my

³ Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Malaysia
E-mail: marzuki@uptm.edu.my

*corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohd Nadzri, K. M., Mohd Ferdaus, F., & Ali, M. M. (2025). Penaakulan moral dari perspektif Barat dan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 806 - 816.

Abstrak: Penaakulan moral merujuk kepada proses membuat pertimbangan etika berdasarkan prinsip nilai dan norma yang dianggap betul atau salah. Kajian ini membandingkan pendekatan penaakulan moral dari dua perspektif utama: Barat dan Islam. Penekanan terhadap moral disekolah telah biasa kita dengar akan tetapi kefahaman terhadap penaakulan moral jarang dikupas dan difahami dan tidak dikaitkan dengan islam. Maka penulisan ini ingin mengupas maksud penaakulan moral dari perspektif barat dan islam. Terdapat beberapa kajian dan artikel mengenai penaakulan moral yang dikaitkan dengan guru kerana penaakulan moral merupakan keputusan yang perlu ditentukan betul atau salah oleh seseorang. Jurang kajian ini dengan kajian sebelum ini ialah kajian ini menerapkan kefahaman dari perspektif islam dan bukan barat sahaja. Penaakulan moral dari sudut barat, kajian ini meneliti dua teori perkembangan penaakulan moral yang dikemukakan oleh Jean Piaget dan Lawrence Kohlberg, yang merupakan dua tokoh utama dalam bidang psikologi perkembangan. Piaget memperkenalkan dua peringkat utama dalam perkembangan moral kanak-kanak iaitu moral heteronomus dan moral autonomus, yang menekankan perubahan dari pemikiran berpusatkan hukuman kepada kefahaman tentang keadilan dan niat. Sementara itu, Kohlberg memperluaskan idea Piaget dengan membangunkan model tiga peringkat yang mengandungi enam tahap perkembangan moral, bermula dari tahap pra-konvensional hingga ke tahap pasca-konvensional. Pendekatan ini menekankan logik rasional, kebebasan individu, dan akibat perbuatan sebagai asas penilaian moral. Sebaliknya, perspektif Islam berteraskan wahyu Ilahi, al-Qur'an, dan Sunnah, serta prinsip-prinsip maqasid al-shariah dan ijtihad. Ia menekankan keseimbangan antara rasionaliti dan keimanan, dengan akhlak sebagai teras utama. Kajian ini mendapati bahawa walaupun kedua-dua perspektif mengiktiraf peranan akal dalam membuat keputusan moral, Islam memberikan dimensi spiritual dan ketundukan kepada kehendak Tuhan sebagai asas utama. Perbandingan ini membuka ruang pemahaman silang budaya dan memperkukuh wacana etika global yang lebih inklusif dan berimbang.

Kata kunci: *Penaakulan Moral, Pertimbangan Etika, Moral, Barat Dan Islam*

Abstract: *Moral reasoning refers to the process of making ethical judgments based on principles of values and norms that are considered right or wrong. This study compares moral reasoning approaches from two main perspectives: Western and Islamic. While moral emphasis in schools is commonly discussed, the understanding of moral reasoning is rarely explored in depth, especially in relation to Islam. Therefore, this paper aims to examine the concept of moral reasoning from both Western and Islamic viewpoints. Several studies and articles have linked moral reasoning to teachers, as it involves making decisions about what is right or wrong. The gap addressed in this study lies in its integration of Islamic perspectives, rather than relying solely on Western views. From the Western perspective, the study examines two major theories of moral development proposed by Jean Piaget and Lawrence Kohlberg, both of whom are prominent figures in developmental psychology. Piaget introduced two main stages of children's moral development: heteronomous morality and autonomous morality, emphasizing a shift from punishment-based thinking to an understanding of justice and intention. Kohlberg expanded Piaget's ideas by developing a three-level model consisting of six stages of moral development, ranging from the pre-conventional to the post-conventional level. This approach emphasizes rational logic, individual freedom, and the consequences of actions as the basis for moral evaluation. In contrast, the Islamic perspective is rooted in divine revelation, the Qur'an, and Sunnah, along with the principles of maqasid al-shariah and ijtihad. It emphasizes a balance between rationality and faith, with morality (akhlak) as its core foundation. The study finds that while both perspectives acknowledge the role of reason in moral decision-making, Islam adds a spiritual dimension and submission to the will of God as a fundamental basis. This comparison fosters intercultural understanding and strengthens a more inclusive and balanced global ethical discourse.*

Keywords: *Moral Reasoning, Ethical Judgment, Morality, Western and Islamic*

Pengenalan

Sejak tahun 1982 Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran rasmi yang diperkenalkan di sekolah rendah bagi mereka yang bukan beragama islam manakala di peringkat sekolah menengah diperkenalkan pada tahun 1989. Walaubagaimanapun, bagi yang beragama islam mata pelajaran pendidikan islam merupakan matapelajaran yang wajib dipelajari oleh pelajar muslim bagi memberi kefahaman terhadap akhlak. Melihat kepada isu semasa di Malaysia, apakah kesan pendidikan moral dan pendidikan agama islam itu kepada individu dan masyarakat. Sejauh manakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menitikberatkan elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) memberi kesan kepada pelajar? Namun, pendidikan pertama bermulanya dari rumah iaitu melalui ibubapa, keluarga dan saudara mara terdekat; perlakuan, percakapan, perbuatan dan tingkahlaku.

Piaget (1932) dan Kohlberg (1958) merupakan dua tokoh penting dalam psikologi perkembangan moral. Kedua-duanya mengkaji bagaimana individu membentuk pemahaman tentang betul dan salah, namun mereka berbeza dari segi pendekatan, tahap perkembangan, dan penekanan teori. Pendekatan Kohlberg (1958) menekankan aspek penaaakulan moral sebagai proses kognitif progresif yang berkait rapat dengan kematangan intelektual. Kajian ini membandingkan kedua-dua teori dari aspek struktur perkembangan dan fokus nilai moral.

Kajian ini meneliti proses membuat keputusan secara moral atau dikenali sebagai penaakulan moral, berdasarkan teori Piaget (1932) dan Kohlberg (1958). Piaget memfokuskan perkembangan moral kanak-kanak melalui interaksi sosial manakala Kohlberg memberikan maksud penaakulan moral sebagai proses kognitif progresif. Pendekatan yang digunakan Piaget bagi kajian ialah kualitatif – pemerhatian dan perbualan dengan kanak-kanak sebaliknya Kohlberg menggunakan pendekatan kajian longitudinal dan penggunaan dilema moral (contohnya dilema Heinz).

Kohlberg (1958) membahagikan perkembangan moral kepada tiga tahap utama (prakonvensional, konvensional dan pascakonvensional) yang merangkumi enam peringkat. Tahap-tahap ini menggambarkan bagaimana individu membuat keputusan moral, bermula dari takutkan hukuman sehinggalah kepada prinsip keadilan sejagat. Dalam tradisi Barat, penaakulan moral banyak dipengaruhi oleh aliran falsafah seperti deontologi Immanuel Kant, utilitarianisme John Stuart Mill, dan teori keutamaan (*virtue ethics*) oleh Aristotle.

Dari perspektif Islam, iman dan aqidah memainkan peranan penting dalam membentuk moraliti seseorang. Kepercayaan kepada Allah, Hari Pembalasan, dan kehidupan akhirat menjadi asas kepada pertimbangan moral dalam Islam. Rasa bersalah apabila berdosa juga dianggap sebagai tanda keimanan. Islam juga mempunyai prinsip moral tersendiri, antaranya maqasid syariah dan al-dharuriyyah al-khamsah — melindungi agama, diri, harta, keturunan dan akal.

Sorotan Literatur

Kajian ini menentukan proses membuat keputusan yang dikenali sebagai penaakulan moral. Keputusan yang dibuat oleh seseorang bergantung kepada pertimbangan mereka sendiri. Keputusan yang diambil oleh individu berbeza-beza disebabkan oleh perbezaan dalam pemikiran, emosi, Jean Piaget (1932) menafsirkan penaakulan moral berdasarkan perkembangan kognitif. Jean Piaget mengkaji bagaimana kanak-kanak membentuk pemahaman tentang moral. Beliau mengenalpasti dua tahap utama dalam perkembangan moral:

- a) Moral Heteronomus (umur 4–7 tahun): Kanak-kanak melihat peraturan sebagai mutlak dan tidak boleh diubah, serta menilai kesalahan berdasarkan akibat, bukan niat.
- b) Moral Autonomus (umur 10 tahun ke atas): Kanak-kanak mula memahami bahawa peraturan boleh dirundingkan, dan menilai kesalahan berdasarkan niat dan keadilan.

Bagi Implikasi terhadap penaakulan moral Piaget menunjukkan bahawa perkembangan penaakulan moral sejajar dengan kematangan kognitif. Kanak-kanak berkembang dari sikap patuh kepada autoriti kepada kefahaman terhadap prinsip moral sejagat.

Walaubagaimanapun terdapat enam peringkat perkembangan moral seperti yang digariskan oleh Kohlberg dan dibahagikan kepada tiga tahap. Tahap pertama dikenali sebagai prakonvensional, yang dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah orientasi hukuman-kepatuhan. Peringkat kedua berasaskan orientasi ganjaran peribadi. Tahap kedua dikenali sebagai konvensional dan juga dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat ketiga ialah orientasi budak baik-gadis baik. Peringkat keempat pula ialah orientasi undang-undang dan peraturan. Tahap ketiga ialah pascakonvensional dan dibahagikan kepada peringkat kelima dan keenam. Peringkat kelima ialah orientasi kontrak sosial, manakala peringkat keenam ialah orientasi prinsip etika sejagat (Kohlberg, 1958), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Keputusan moral dibuat berdasarkan rasa takut terhadap hukuman. Peringkat kedua pula melibatkan kepatuhan daripada perspektif individu, di mana seseorang mengejar kepentingan

sendiri dan pada masa yang sama membenarkan orang lain melakukan perkara yang sama. Peringkat ketiga pula melibatkan memenuhi jangkaan individu terdekat yang mementingkan kepercayaan, kasih sayang dan kesetiaan kepada orang lain sebagai asas kepada pertimbangan moral. Peringkat keempat pula melibatkan memenuhi jangkaan masyarakat, di mana pertimbangan moral dibuat berdasarkan kefahaman terhadap susunan sosial, undang-undang, keadilan, dan tanggungjawab.

Kemudian, peringkat kelima ialah melakukan perkara terbaik untuk masyarakat dari sudut pandangan demokrasi, di mana individu percaya bahawa nilai, hak, dan prinsip menyokong atau melampaui undang-undang. Akhir sekali, peringkat keenam ialah melakukan segala-galanya demi masyarakat demi keadilan dalam semua sudut pandangan, tanpa mengira populariti. Seseorang membentuk pertimbangan moral berdasarkan hak asasi manusia sejagat. Menurut Van Hooft dalam bukunya, etika iaitu nilai-nilai, karakter dan etika dari individu mahupun kelompok melakukan Tindakan secara terbuka dan jujur tanpa menyembunyikan kebenaran (Miswardi et al. 2021). Jadual 2 menunjukkan perbandingan penaakulan moral bagi Piaget dan Kohlberg. Teori yang dicipta oleh Kohlberg didapati daripada kisah Heinz yang terpaksa mencuri ubat bagi menyelamatkan nyawa isterinya. Melalui kisah ini Kohlberg mengkaji mengenai pertimbangan moral seseorang bagi membuat suatu keputusan dan situasi yang dihadapi oleh Heinz ini dianggap betul walaupun perbuatan mencuri itu salah kerana mahu menyelamatkan nyawa.

Jadual 1: Tahap Perkembangan Penaakulan Moral Kohlberg

Tahap Perkembangan	Ciri-ciri Tingkah Laku
Tahap Prakonvensional (umum bagi umur 4–10 tahun)	
Peringkat 1: Moral Heteronomus	Tingkah laku didorong oleh rasa takut kepada hukuman atau balasan
Peringkat 2: Individualisme	Tingkah laku didorong oleh kepentingan diri sendiri
Tahap Konvensional (biasanya dari umur 10 hingga 13 tahun hingga dewasa)	
Peringkat 3: Jangkaan Interpersonal Bersama	Tingkah laku didorong oleh keinginan untuk mendapat penerimaan dan kelulusan atau memenuhi jangkaan orang lain
Peringkat 4: Sistem Sosial dan Kesedaran	Tingkah laku didorong oleh rasa hormat terhadap pihak berkuasa
Tahap Pascakonvensional (berlaku dari remaja hingga dewasa)	
Peringkat 5: Kontrak Sosial atau Kegunaan dan Hak Individu	Tingkah laku didorong oleh nilai dalaman dan rasa hormat terhadap undang-undang serta prinsip moral sejagat
Peringkat 6: Prinsip Etika Sejagat	Tingkah laku didorong oleh prinsip sejagat yang telah dihayati secara dalaman seperti keadilan dan maruah

Jadual 2: Perbandingan Penaakulan Moral Jean Piaget Vs Kohlberg

Aspek	Piaget	Kohlberg
Fokus utama	Perkembangan moral kanak-kanak	Proses penaakulan moral sepanjang hayat
Tahap perkembangan	2 tahap	3 tahap, 6 peringkat
Asas moral	Interaksi sosial dan kognitif	Dilema moral dan penaakulan logik
Peranan niat	Penting dalam tahap autonomus	Diambil kira terutamanya dalam peringkat akhir
Kelebihan	Ringkas dan fokus kepada kanak-kanak	Lebih terperinci dan menyeluruh
Kekurangan	Kurang perincian tahap lanjutan	Dikritik kerana bias terhadap budaya Barat dan jantina lelaki

Ketidakjujuran akademik mewakili isu yang berleluasa dalam tetapan pendidikan, dan memahami alasan moral di sebalik tingkah laku sedemikian adalah penting untuk campur tangan yang berkesan. Pada tahun 2024 Abdel Hamid Esmacil et al. membuat satu kajian dari Universiti Malaysia Sabah mengenai penaakulan moral dan ketidakjujuran akademik. Ia merupakan kajian kualitatif kepada pelajar sarjana muda. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk meneroka dan menilai rangka kerja penaakulan moral pelajar prasiswazah yang menghadiri Universiti Malaysia Sabah, sebuah institusi awam. Kajian ini mendedahkan bahawa pelajar kebanyakannya melanggan salah satu daripada tiga sudut pandangan moral yang berbeza. Pendekatan pertama, yang disebut sebagai perspektif 'subjektif/kontekstual', berpendapat bahawa keputusan moral sebahagian besarnya dipengaruhi oleh perasaan peribadi dan faktor situasi khusus. Pendekatan kedua berakar umbi dalam konsekuensialisme, di mana moraliti sesuatu tindakan ditentukan oleh hasilnya. Pendekatan ketiga menganggap moral sebagai entiti objektif, selalunya berasaskan prinsip agama atau undang-undang.

Selain itu terdapat kajian mengenai teater forum dan penaakulan moral caring daripada Varatha Raju et al. (2020) mendapati penggunaan pendekatan “Caring” melalui teater forum mempertingkatkan penaakulan moral caring murid berdasarkan pengintegrasian dialog, lakonan anti-model, dan intervensi langsung. dan analisis pantun berkaitan dengan penaakulan moral. Ia merupakan kajian kepada keberkesanan kepada murid terhadap pendidikan moral disekolah dan kajian ini sendiri merupakan kajian guru sekolah yang mengajar pendidikan moral. Tambahan pula, terdapat kajian daripada guru sekolah iaitu Chandrasakeram (2022) membuat kajian mengenai teknik pengajaran Pendidikan Moral di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam bandar Seremban. Kajian ini mengkaji kaedah yang digunakan oleh guru dalam pendidikan moral dan mendapati Guru masih menggunakan kaedah tradisional fokus peperiksaan; kurang menekankan penaakulan moral.

Sehubungan dengan itu, terdapat juga kajian mengenai analisis pantun dan penaakulan moral oleh Syahadah dan Jamian (2020) yang mengkaji mengenai penaakulan moral dalam pantun Pak Nazel 101 Perkara. kajian menunjukkan pantun melayu mencerminkan elemen penaakulan moral dari segi pemikiran rasional, optimistic, normative dan bijaksana. Maka daripada kajian-kajian terkini, penaakulan moral daripada perspektif islam sendiri belum dibahaskan dan dikaji secara mendalam. Ia merupakan jurang kajian ini dengan kajian-kajian sebelumnya.

Penaakulan Moral Dalam Perspektif Islam

Moral didalam Islam ialah akhlak. Akhlak berasal daripada perkataan Arab “khuluq” (خُلُق) yang bererti budi pekerti, tabiat, kelakuan atau perangai. Dari sudut istilah, akhlak merujuk kepada keadaan jiwa seseorang yang mendorongnya melakukan perbuatan baik atau buruk secara spontan tanpa memerlukan pemikiran mendalam. Menurut Al-Ghazali (1996), akhlak ialah suatu sifat yang tertanam dalam jiwa yang daripadanya muncul perbuatan-perbuatan dengan mudah dan senang tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan.

Manakala penaakulan moral merupakan proses berfikir dan menilai sesuatu tindakan sebagai baik atau buruk, betul atau salah, menurut prinsip, hukum atau nilai tertentu. Berdasarkan maksud akhlak dan penaakulan moral dalam Islam maka jelas keduanya membawa maksud yang berbeza. Dalam Islam, penaakulan moral berasaskan wahyu Ilahi – al-Qur’an dan Sunnah (Al-Shatibi, 1997). Moraliti tidak semata-mata bersandarkan logik atau akibat, tetapi kewajipan kepada Allah (taqwa) (Al-Ghazali., 1991) dan prinsip syariah (Tuan Sidek & Ismail, 2021). Elemen utama moral dalam islam:

Elemen	Maksudnya
Aqidah dan Iman	Kepercayaan kepada Allah, Hari Pembalasan, dan kehidupan akhirat menjadi asas dalam menilai betul atau salah.
Syariah dan Maqasid Syariah	Prinsip-prinsip hukum Islam bertujuan menjaga lima perkara asas: agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (al-dharuriyyah al-khamsah).
Ijtihad dan Qiyas	Penaakulan digunakan oleh para ulama untuk menilai isu moral baru yang tidak disebut secara langsung dalam nas.
Akhlak dan Tanggungjawab	Moral dalam Islam tidak hanya luaran (tindakan), tetapi juga dalaman (niat dan keikhlasan).

Terdapat dalil bagi elemen utama penaakulan moral dalam Islam iaitu iman dari surah al-Mujadilah ayat 22:

...أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ

Maksudnya: “...Mereka itu adalah orang-orang yang Allah telah tanamkan keimanan dalam hati mereka...”.

(Surah Al-Mujadilah 58:22)

Ia menekankan kesetiaan mutlak kepada Allah dan Rasul-Nya, melebihi hubungan darah dan kekeluargaan. Dalam penaakulan moral Islam, kesetiaan kepada kebenaran dan prinsip tauhid mengatasi kepentingan peribadi dan hubungan duniawi. Jadual 3 menunjukkan ringkasan perbezaan akhlak dan penaakulan moral.

Jadual 3: Perbezaan Akhlak dan Pernaakulan Moral

Aspek	Akhlak	Penaakulan Moral
Sifat	Tabiat dalaman	Proses pemikiran
Fokus	Kelakuan & sikap	Penilaian betul/salah
Bentuk	Automatik/spontan	Berfikir, menimbang dalil
Asas	Nilai akhlak Islam	Hukum syarak, maqasid, akhlak
Contoh	Bersopan santun, sabar	Menilai keharusan sesuatu tindakan

Jadual 4: Ciri-Ciri Penaakulan Moral Dalam Islam


Ciri	Penjelasan
Berpusat pada tauhid	Semua tindakan dinilai berdasarkan hubungan dengan Allah
Berorientasikan akhirat	Imbuan moral dilihat bukan hanya di dunia, tetapi juga di akhirat
Seimbang antara akal dan wahyu	Akal digunakan dalam batas panduan wahyu
Menekankan niat (ikhlas)	Seperti dalam hadis: <i>“Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat”</i>

Dalam perspektif psikologi Islam, ‘aqidah dan iman merupakan kekuatan hidup asas untuk jiwa dan manusia secara keseluruhan. Asas iman ialah kepercayaan teguh kepada Allah dan keesaan-Nya, pertanggungjawaban pada Hari Pembalasan, dan kehidupan di akhirat. Iman berkait dengan aspek lain manusia, termasuk pemikiran, emosi, dan motivasi, serta keadaan psikologi manusia.

Aqidah dan iman jelas berkait rapat dengan kejujuran kita terhadap Tuhan, manusia lain, dan juga terhadap benda. Selepas melakukan sesuatu dengan sambil lewa atau tidak berkesan, kita mula merasa bersalah, tidak layak, gelisah, dan inilah yang kita namakan sebagai tanda-tanda iman. Rasulullah SAW bersabda bahawa iman itu adalah apabila kamu merasa bersalah setelah melakukan dosa.

Mehodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu melalui kajian perpustakaan untuk mencari maklumat berkenaan dengan konteks penaakulan moral. Maklumat yang diperoleh adalah bersumberkan bahan sekunder seperti jurnal dan artikel (Hasbullah et al., 2020). Maklumat ini dikumpul, disaring dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Proses ini dimulakan dengan penyediaan latar belakang terhadap kandungan kajian literatur yang ingin dijalankan. Seterusnya, pengkaji membaca dan memahami bahan-bahan literatur yang diperoleh. Akhirnya, bahan bacaan tersebut diintegrasikan ke dalam kerangka pengetahuan sedia ada menerusi perbandingan yang dilakukan dari perspektif barat dan Islam.



Rajah 1: Proses Penyediaan Kajian Literatur Untuk Analisis Kandungan

Dapatan dan Perbincangan

Perbandingan Penaakulan Moral Dari Perspektif Barat Dan Islam

Idea Kohlberg mempunyai persamaan dengan konsep dalam Islam. Namun konsep yang diterapkan oleh Kohlberg merupakan konsep hukuman dan balasan iaitu penerapan awal dalam islam iaitu konsep pahala dan dosa. Konsep ganjaran dan dosa dalam Surah al-Baqarah ayat 103:

وَلَوْ أَنَّهُمْ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَمَثُوبَةٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ خَيْرٌ لَّوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan kalaulah mereka beriman serta bertakwa, tentulah pahala dari sisi Allah itu lebih baik, kalaulah mereka mengetahui.”

(Surah Al-Baqarah 2:103)

Ganjaran dan dosa tidak dapat dilihat secara fizikal, sama seperti yang digariskan oleh Kohlberg. Peringkat-peringkat dalam teori Kohlberg sudahpun wujud dalam Islam. Jika seorang Muslim percaya kepada dosa dan pahala, maka penaakulan moral yang telah disepadukan dalam Islam boleh dijadikan panduan dalam membuat keputusan. Namun, idea Kohlberg tidak mengandungi elemen kejujuran dari sudut penerapan kejujuran pada diri. Selain itu, terdapat perbezaan dari segi pahala dan dosa dalam islam kerana bagi tahap umur yang belum boleh berfikir, kanak-kanak tidak berdosa jika melakukan kesalahan kerana tahap pemikiran mereka belum mencapai tahap menentukan baik dan buruk. Konsep pahala dan dosa dalam Islam bermula bila seseorang itu sudahpun boleh menentukan baik dan buruk.

Penggunaan penaakulan moral bergantung kepada peringkat umur. Tahap pertama, iaitu prakonvensional, sesuai digunakan untuk kanak-kanak sebelum diperkenalkan kepada konsep baik dan buruk. Tahap kedua telahpun disebut dalam Islam melalui perintah yang diperoleh daripada Allah SWT. Tahap terakhir pula ialah apabila seseorang membuat keputusan berdasarkan masyarakat dan alam seagat. Menurut Dr. M. Sulaeman Jajuli, dalam Islam terdapat prinsip dalam fiqh dan usul fiqh yang dikenali sebagai maqasid syariah. Umat Islam boleh membuat keputusan berdasarkan prinsip al-dharuriyyah al-khamsah, iaitu untuk menjaga agama, diri, harta, keturunan, dan akal. Dalam prinsip Islam, akan terdapat pertimbangan dalam membuat keputusan. Cara kita membuat keputusan akan berpandukan prinsip dharuriyyah al-khamsah.

Perbincangan bagi perbandingan penaakulan moral kebanyakannya dari Kohlberg kerana beliau juga mengambil prinsip dari Piaget dan hanya menambahbaik penaakulan moral yang difahami melalui kognitif. Bagaimanapun, menurut Al-Ghazali “Khuluk” (akhlak) adalah hasrat atau sifat yang tertanam dalam jiwa yang darinya lahir perbuatan-perbuatan yang mudah dan senang dipraktikkan tanpa memerlukan pertimbangan dan pemikiran. Sekiranya perbuatan baik dan terpuji ini dilakukan menurut akal dan syari’at, maka keadaan itu dinamakan akhlak yang baik, dan apabila yang muncul perbuatan-perbuatan buruk, maka keadaan itu dinamakan akhlak yang buruk (Nur Akhda, 2019). Jadual 4 menunjukkan perbandingan penaakulan moral dari perspektif barat dan Islam.

Jadual 5: Perbandingan Penaakulan Moral Dari Perspektif Barat dan Islam

	Perspektif Barat	Perspektif Islam
Panduan	Berdasarkan tahap pemikiran umur seseorang.	Berpanduankan al-quran, hadith dan ijtihad.
Penentuan keputusan	Keputusan yang dibuat oleh seseorang bergantung kepada tahap pertimbangan mereka sendiri	Keputusan yang dibuat oleh seseorang berdasarkan akal dalam batasan wahyu.
Peringkat penaakulan moral	Terdapat tiga tahap perkembangan iaitu: 1. Tahap prakonvensional 2. Konvensional 3. Pascakonvensional Setiap satu tahap mempunyai peringkat dan mengikut peringkat umur.	Terdapat empat elemen utama bagi menentukan keputusan iaitu: 1. Al-quran 2. Hadith 3. Akal berpanduakan wahyu (ijtihad) 4. Maqasid Syariah Elemen ini tidak digunakan bagi kanak-kanak yang belum tahu membezakan betul dan salah.
Darurat	Jika terdapat satu keadaan terpaksa menyelamatkan sesuatu, walaupun salah ia dianggap betul. Berdasarkan kisah Heinz.	Menggunakan prinsip al-dharuriyyah al-khamsah. Menjaga agama, diri, harta, keturunan, dan akal
Niat	Mendahulukan niat yang baik walaupun cara menyelesaikannya salah.	Jika niat baik akan tetapi caranya salah maka tetap salah.
Peringat awal kanak-kanak	Kohlberg meletakkan konsep hukuman dan balasan pada peringkat ini	Bagi kanak-kanak yang belum tahu betul dan salah tiada hukuman atau balasan kepada mereka

Kesimpulan

Dalam perspektif Islam, moral itu ditekankan kepada akhlak iaitu prilaku seseorang yang seharusnya diaplikasikan akan tetapi bagi penentuan terhadap sesuatu keputusan dalam perbuatan baik atau buruk perlu bertunjangkan al-quran, hadith, ijtihad dan maqasid syariah. Penggunaan akal juga sangat ditekankan didalam islam dengan bersandarkan wahyu bukan emosi semata. Oleh sebab itu, wujudnya prinsip al-dharuriyyah al-khamsah dalam membuat sesuatu keputusan moral bagi menjaga agama, diri, harta, keturunan, dan akal.

Konsep ganjaran (pahala) dan dosa dalam Islam mempunyai persamaan dengan peringkat awal teori Kohlberg, namun pendekatan Islam lebih menyeluruh dan menekankan kejujuran serta pertimbangan yang seimbang dalam membuat keputusan moral. Islam tidak hanya menitikberatkan kefahaman intelek iaitu kognitif seperti yang ditekankan oleh Kohlberg akan tetapi kefahaman terhadap konsep kewujudan tuhan merupakan prinsip utama bagi setiap cabang yang dipilih oleh setiap individu mengikut peringkat umur iaitu sebelum dan selepas baligh. Teori Kohlberg didasari oleh satu kisah suami isteri seperti yang dinyatakan didalam soroton literasi dan melihat kepada situasi Heinz ini terdapat kesamaan dengan islam dalam membuat keputusan iaitu Heinz ingin menyelamatkan nyawa isterinya akan tetapi perlu dipertimbangkan dengan cara selain mencuri jika dapat dielakkan kerana dalam islam perbuatan mencuri akan memberi kesan juga kepada orang lain sekalipun ingin menyelamatkan nyawa.

Selain daripada itu, prinsip matlamat tidak menghalalkan cara juga ditekankan dalam Islam melalui keperluan akan prinsip-prinsip hukum Islam dengan menjaga lima perkara asas: agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (al-dharuriyyah al-khamsah). Dalam perspektif Islam, akhlak atau moral (prilaku/perbuatan) memiliki kedudukan yang tinggi. Demikian tingginya kedudukan akhlak dalam Islam hingga Muhammad SAW menjadikannya sebagai kayu ukur keimanan (Muhammad Feby, 2021). Dari Abu Hurairah, ia berkata: baginda Rasulullah SAW bersabda;

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

Maksudnya: “Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya.”

(Sunan At-Tirmidzi, no. 1162)

Diriwayatkan juga dalam Musnad Ahmad, no. 9147 dan Sunan Abu Dawud, no. 4682 dengan lafaz yang hampir sama. Seheinggakan ramai sahabat yang masuk Islam pada zaman Nabi SAW kerana akhlak yang dibawa oleh Baginda SAW. Reaksi Rasulullah terhadap sesuatu perbuatan manusia yang tidak baik dikendali secara tenang dan rasional. Seperti kisah seorang badwi yang kencing disudut masjid dan Baginda tidak terus menghukum atau memarahi akan tetapi Baginda membiarkan dahulu badwi tersebut menghabiskan hajatnya selepas itu baru ditegur oleh Baginda secara baik seheinggakan badwi itu memeluk Islam. Hidup manusiawi ini dari sudut psikologi sendiri terkesan dengan perbuatan baik atau buruk seseorang.

Tambahan pula, pada tahap kedua yang diletakkan oleh Kohlberg iaitu tingkah laku didorong oleh keinginan untuk mendapat penerimaan dan kelulusan atau memenuhi jangkaan orang lain yang mana ia sama sekali bercanggah dengan konsep yang diketengahkan dalam Islam. Elemen-elemen yang digariskan dalam Islam hanya berdasarkan wahyu kerana jangkaan dan keinginan setiap manusia berbeza maka tidak akan mungkin dapat memuaskan hati semua pihak. Pada masa yang sama keputusan yang dibuat menghormati semua pihak dan tidak menolak penggunaan akal sebagai alat membuat keputusan.

Akhir sekali, undang-undang, keadilan dan maruah iaitu tahap akhir bagi penaakulan yang digariskan oleh Kohlberg. Bezanya teori barat ini dengan Islam yang mana setiap penentuan perilaku didasari oleh tahap umur seseorang. Akan tetapi, dari sudut undang-undang negara sendiri undang-undang terpakai dari umur yang bersesuaian bukan apabila dewasa sahaja begitu juga Islam. Nilai kepada maruah dan keadilan perlu diterap dan diaplikasi dari kecil agar terjaga hingga dewasa kelak. Prinsip utama Islam dalam penentuan moral akan suatu keadaan apabila sudah boleh membezakan baik dan buruk didasari oleh elemen aqidah, iman dan syariah bukan akal semata.

Penghargaan

Penulis dalam kajian ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli keluarga, rakan-rakan, dan warga kerja UPTM yang telah memberi sokongan serta pandangan mendalam terhadap kajian ini. Tidak lupa juga kepada Dr Siti Rafiah Abd Hamid pensyarah UIAM yang telah menyatakan perbincangan secara tidak langsung dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdel Hamid Esmaeil, A. A., Maakip, I., Voo, P., & Long, Y. (2024). Moral Reasoning and Academic Dishonesty: A Qualitative Study of Undergraduate Students in Malaysia. *ICCCM Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(4), 26–33. <https://doi.org/10.53797/icccmjssh.v3i4.5.2024>
- Ahmad Yani, A. M. (Peny.). (2020). *Al-Quran Al-Karim: Terjemahan & Tajwid Berwarna*. Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. (1991). *Al-Mustasfa min 'Ilm Al-Usul*. Draz, A. (Ed.). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali. (1996). *Ihya' 'Ulum Al-Din*. v.3. Dar al-Fikr.
- Al-Shatibi, A. I. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul Al-Shariah*. Darraz, M. (Ed.). Dar al-Ma'rifah.
- Aristotle. (2009). *Nicomachean Ethics* (Original work published ca. 350 B.C.E.). Oxford University Press.
- At-Tirmidzi. (n.d.). *Sunan At-Tirmidzi*. Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi.
- Chandrasakeram, B. (2022). Teknik Pengajaran Pendidikan Moral di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Dalam Bandar Seremban. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(4), 58–62. <https://doi.org/10.33306/mjssh/214>
- Hasbullah, M. D., Ahmad, Y., & Fakhru Adabi, A. K. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 75–89.
- Kohlberg, L. (1981). *The Philosophy of Moral Development: Moral Stages and the Idea of Justice*. v.1. Harper & Row.
- Mill, J. S. (2002). *Utilitarianism*. Sher, G. (Ed.). Hackett Publishing.
- Miswardi, M. Nasfi, N., & Antoni, A. (2021). Etika, Moralitas dan Penegak Hukum. *Jurnal Penelitian dan Kajian Ilmiah*, 15(2), 150-162. <https://jurnal.umsb.ac.id/index.php/menarailmu/article/view/2425/1896>
- Muhammad Feby, P. (2021). Pendidikan Akidah Akhlak Dalam Membentuk Karakter Siswa. *Permata: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 2(2), 150-156.
- Nur Akhda, S. (2019). Integrasi Aqidah dan Akhlak (Telaah Atas Pemikiran Al-Ghazali). *Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam*, 3(2), 74–83.
- Piaget, J. (1965). *The Moral Judgment of the Child*. Gabain, M. (Terj.). Free Press.
- Syahadah, Y. S., & Jamian, M. N. (2020). Penaakulan Moral Dalam Pantun Pak Nazel 101 Perkara. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 297–317.
- Tuan Sidek, T. M., & Ismail. (2021). Membudayakan Cara Membuat Keputusan Berteraskan Maqasid Syariah Dalam Pengurusan Organisasi Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(S2), 9–16. [https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i\(S2\).6242](https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(S2).6242)
- Varatha Raju, L. D., & Thambu, N. (2020). Penaakulan Moral Caring Melalui Teater Forum Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 214–228. <https://doi.org/10.33306/mjssh/75>